

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
27 NOVEMBER 2017**

---

**1. PELANTIKAN PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
(P&P) YANG BARU**

Sukacita dimaklumkan bahawa berkuatkuasa **15 November 2017**, Majlis telah melantik dua (2) Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) yang baru iaitu Penolong Pengarah Perkhidmatan Perbandaran, Encik Alif Adham Bin Zahari (Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U41) dan Penolong Pengarah Penilaian, Puan Noor Izzati Binti Jafri (Pegawai Penilaian Gred W41).

Majlis mengucapkan tahniah atas perlantikan ini dan diharapkan pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta dapat berfungsi dengan lebih lancar.

## **2. KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN SEBERANG PERAI 2030**

Kajian ini diadakan adalah berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri ( SPC ) Bil. 12/2015 pada 29 Oktober 2015 dan cabutan minit JPN Bil 4/2016 Bil [K177-14/2014] pada 27/04/2016 yang memutuskan agar ketiga-tiga Draf RTD SPU, RTD SPT dan RTD SPS disatukan menjadikan satu Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030.

Kajian ini telah bermula pada 4 September 2017 dan perunding yang telah dilantik adalah Akitek Jururancang ( Malaysia ) Sdn. Bhd. Oleh itu, Seranta Awal Rancangan Tempatan Seberang Perai telah mula dibuat pada 18 November 2017 bertempat di Vision Park, Kepala Batas bersempena Hari Perancang Bandar Sedunia.

Selain itu, poster dan borang maklumbalas akan diberi kepada semua Ahli-ahli Majlis MPSP untuk hebahan kepada penduduk setempat. Penglibatan penduduk dalam merangka Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 ini juga turut menepati sifat Inklusif yang ingin di bawa oleh MPSP.

### **3. PELEPASAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2018**

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekali lagi telah mengumumkan pelepasan cukai taksiran bagi tahun 2018 untuk semua pemilik **Kediaman Kos Rendah, Kediaman Kos Sederhana Rendah dan Kediaman Kampung.**

Kepada semua pemilik yang layak menerima pelepasan cukai taksiran tetapi masih mempunyai tunggakan sebelum tahun 2016, diminta untuk menjelaskan tunggakan berkenaan dengan kadar segera bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan diambil.

### **4. PEMBERITAHUAN REBAT SEPULUH PERATUS (10 %) KE ATAS CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2018**

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah mengumumkan pemberian rebat cukai taksiran sebanyak **sepuluh peratus (10%)** bagi tahun 2018 untuk semua pemilik **SELAIN** jenis kediaman kos rendah, kediaman kos sederhana rendah dan kediaman kampung.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan pelepasan cukai taksiran atau pemberian rebat ke atas cukai taksiran bolehlah menghubungi pegawai di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta di talian 04-5497493/494/495 atau e-mel di alamat [pen@mpsp.gov.my](mailto:pen@mpsp.gov.my)

## 5. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL PERTAMA 2018

Sukacita di sini saya maklumkan bahawa bil cukai taksiran bagi **Penggal Pertama Tahun 2018** akan mula diterima oleh semua pemilik premis di seluruh Seberang Perai secara berperingkat mulai **1 Disember 2017** dan pembayaran perlu dibuat sebelum atau selewat-lewatnya pada **28 Februari 2018**. Bil cukai taksiran juga boleh disemak di Kaunter Bayaran MPSP atau di laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my).

Pembayaran cukai taksiran boleh dibuat di semua kaunter MPSP, laman web MPSP dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

## **6. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU TAHUN 2018**

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Pintu MPSP 2018 akan bermula pada **1 Disember 2017** dan akan tamat pada **28 Februari 2018**. Kriteria yang melayakkan pembayar cukai taksiran terpilih dalam cabutan bertuah ini adalah pembayar cukai taksiran mesti membayar keseluruhan cukai setahun untuk tahun 2018 berserta tunggakan (jika ada). Selain itu, promosi ini juga layak untuk **pembayaran tunggakan sahaja** bagi pemilik premis yang telah mendapat pelepasan / pengecualian bayaran cukai taksiran bagi tahun semasa (Kediaman Kos Rendah, Kediaman Kos Sederhana Rendah dan Kediaman Kampung) dengan syarat menjelaskan keseluruhan tunggakan yang ada. Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu mulai **1 Disember 2017 hingga 28 Februari 2018**.

MPSP amat menggalakkan pemilik premis membuat bayaran cukai taksiran secara online bagi mengelakkan kesesakan dikaunter bayaran MPSP, dan ianya juga lebih mudah, pantas, serta menjimatkan masa dan kos.

Disamping itu, MPSP juga telah menyediakan pelbagai saluran-saluran bayaran melalui agensi kutipan yang telah dilantik bagi memudahkan orang ramai membayar cukai taksiran selain di kaunter MPSP.

Justeru, bagi promosi cabutan bertuah kali ini MPSP telah menyediakan sebanyak **lima puluh (50) hadiah** bagi **Kategori A** iaitu bayaran secara **ONLINE / KAUNTER AGENSI** manakala **sepuluh (10) hadiah** bagi **Kategori B** iaitu **bayaran dikaunter MPSP**. Jumlah keseluruhan hadiah yang disediakan adalah sebanyak **enam puluh (60) hadiah**.

Bagi **kategori A** iaitu pembayaran cukai taksiran dibuat secara **ONLINE / KAUNTER AGENSI**, hadiah-hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan ialah Mountain Bike Fuji 27.5 nevada 1.1, Mountain Bike Fuji 27.6 nevada 1.5 D, Samsung FHD Smart Curved LED TV 49", Mountain Bike Fuji 27.7 nevada 1.6, Mountain Bike XDS 26' 30 speed, Mountain Bike Trinx M618, Ipad dan 40 hadiah lain seperti notebook, mountain bike, barang elektrik, telefon pintar, tablet pc dan perkakasan rumah.

Manakala bagi **kategori B** iaitu pembayaran cukai taksiran yang dibuat **dikaunter MPSP** pula, hadiah yang disediakan adalah sebanyak **10 unit Samsung Galaxy Tab A 8”**.

Bagi promosi kali ini, MPSP telah menyediakan cenderamata berbentuk barang “*upcycle*” kepada pembayar cukai yang layak berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan (seperti pada perenggan pertama). Setiap akaun yang layak akan diberikan satu **(1) cenderamata sahaja.**

Orang awam yang telah membuat pembayaran boleh terus membuat tuntutan cenderamata di kaunter tuntutan yang telah disediakan di **ruang legar hadapan Kaunter Berpusat MPSP, Bandar Perda** dengan mengemukakan bukti-bukti pembayaran. Pemberian cenderamata akan bermula pada **1 Disember 2017** dan berakhir pada **31 Januari 2018. STOK ADALAH TERHAD.**

Sehubungan dengan itu, saya dengan ini menyeru kepada semua pemilik premis agar segera membuat bayaran cukai pintu tahun 2018 berserta tunggakan (jika ada), bagi melayakkan anda menerima cenderamata serta terpilih untuk cabutan bertuah.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790** atau e-mail di [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my)

## **7. MPSP BERJAYA MEMBAHARUI SIJIL PEJABAT HIJAU DAN MENDAPAT SIJIL PREMIS ‘AQUASAVE’**

MPSP telah berjaya membaharui Sijil Pejabat Hijau dari Penang Green Council (PGC) di bawah naungan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga telah memperolehi Sijil Premis “Aquasave” (Pengurusan Air yang Mampan) dari Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBA) untuk dua tahun lagi iaitu mulai Ogos 2017 sehingga September 2019. Sijil ini telah dianugerahkan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng dalam Majlis Green Pinang Awards Gala 2017 pada 22 November 2017 di Hotel Eastin, Pulau Pinang.

Sijil Pejabat Hijau ini merupakan kali ketiga yang diterima oleh MPSP. MPSP mula menerima sijil ini sejak tahun 2013 sehingga kini.

## **8. PENGIKTIRAFAN SIJIL PEMATUHAN SAGA (STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES).**

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa Sistem Perakaunan dan Belanjawan Bersepadu (SPBB) Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mendapat pengiktirafan Sijil Pematuhan SAGA (STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES).

Pensijilan ini telah disampaikan pada 22 November 2017 oleh YBrs Tuan Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia di The Light Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang.

MPSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang ke-empat (ke-4) di Malaysia dan PBT yang pertama di utara Semenanjung Malaysia yang memperolehi pengiktirafan Sijil Pematuhan SAGA.

## **9. PETAK TEMPAT LETAK KENDERAAN IBU MENGANDUNG**

Selain penyediaan tempat letak kenderaan khas untuk Orang Kurang Upaya (OKU), MPSP juga prihatin kepada golongan ibu mengandung dengan menyediakan 12 petak tempat letak

kenderaan khas untuk mereka di ibu pejabat MPSP Bandar Perda. Petak tempat letak kenderaan ini dibezakan dari petak umum dengan menggunakan cat berwarna **pink** dan turut dipasang papan tanda untuk makluman awam. Ianya disediakan berdekatan dengan laluan masuk dan keluar bangunan ibu pejabat MPSP iaitu di tempat yang strategik dan dalam jarak yang sesuai untuk keselamatan dan keselesaan ibu mengandung.

Sehubungan itu, diharapkan masyarakat akan lebih bertanggungjawab dan peka dengan keperluan golongan ibu mengandung dan tidak meletak kenderaan mereka di tempat letak kenderaan yang disediakan khas untuk ibu mengandung. Dalam konteks ini juga, orang ramai diminta memberi kerjasama dalam penggunaan petak dengan betul semasa meletak kenderaan mereka.

## 10. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Program MPSP Car Free Morning akan diadakan pada 3 Disember 2017 (Ahad) di

Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula jam 7.30 pagi hingga 12 tengah hari. Seterusnya, Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin akan diadakan pada 17 Disember 2017 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 24 Disember 2017 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**